



BAHAGIAN KEMAJUAN KERJAYA  
JABATAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

## PROSIDUR PERMOHONAN PELANJUTAN TEMPOH CUTI BELAJAR (BIASISWA STAF DAN TPM) UiTM

1. Permohonan pelanjutan UiTM.
  - (i) Melengkapkan Borang Permohonan Pelanjutan Biasiswa Staf dan TPM (Borang UiTM/BPD-BKK/03-26)
  - (i) Bagi permohonan pelanjutan kali pertama, peratusan kemajuan pengajian tahap pengumpulan data hendaklah mencapai **sekurang-kurangnya 60%**. (*sumber keputusan: JKI-PKSM Bil 50/2022 bertarikh 21.04.2022*)
  - (ii) Bagi permohonan pelanjutan kali kedua, peratusan kemajuan pengajian tahap pengumpulan data hendaklah mencapai **sekurang-kurangnya 80%**. (*sumber keputusan: JKI-PKSM Bil 50/2022 bertarikh 21.04.2022*)
2. Permohonan pelanjutan KPT, Pemohon hendaklah melampirkan semua dokumen-dokumen yang disenaraikan dalam Prosidur Permohonan Pelanjutan KPT.
3. Pemohon hendaklah melampirkan dokumen-dokumen sokongan lain, seperti laporan perubahan jika menghadapi masalah kesihatan atau sebagainya.
4. Pemohon hendaklah melampirkan surat sokongan / ulasan terperinci daripada Penyelia mengenai perkara berikut;
  - (i) Penilaian dengan pengesahan peratusan (%) tesis telah siap;
  - (ii) Maklumat tugas yang diberi kepada pelajar dalam tempoh pelanjutan;
  - (iii) Perakuan bahawa pelajar akan tamat dalam tempoh pelanjutan yang dipohon;
  - (iv) Pengesahan kepada Pelan Pengajian (*Gantt Chart*) terkini dan perancangan tugas pelajar yang akan diberi kepada pemohon dan boleh disiapkan dalam tempoh pelanjutan yang dipohon.
5. Pemohon yang mengikuti pengajian di peringkat PhD hendaklah mengemukakan surat sokongan / ulasan terperinci daripada universiti tempat pengajian dalam tempoh 12 hingga 24 bulan yang pertama berikut;
  - (i) Surat pengesahan kertas kerja penyelidikan PhD (*PhD Proposal*) (terutamanya bagi calon pelajar mod penyelidikan sepenuh masa) telah diluluskan ATAU calon telah lulus ujian komprehensif yang dijalankan oleh universiti tempat pengajian dan diterima sebagai calon pelajar PhD di universiti berkenaan,
  - (ii) Calon pelajar PhD hanya boleh meneruskan pengajian dan seterusnya menjalankan kutipan data setelah kertas kerja penyelidikan PhD (*PhD Proposal*) diluluskan ATAU telah disahkan diterima sebagai calon pelajar PhD oleh universiti tempat pengajian,
  - (iii) Sekiranya *Defense Proposal* tidak diperlukan, maka universiti tempat pengajian hendaklah mengemukakan surat pengesahan menyatakan calon pelajar PhD berkenaan tidak perlu menjalankan *Defense Proposal* dan boleh meneruskan pengajian.
6. Pemohon hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen yang telah lengkap dan disahkan oleh Penyelia seperti berikut;
  - (i) Pelan Pengajian (*Gantt Chart*) terkini,
  - (ii) Laporan Kemajuan Berkala (*Student Academic Program Report* (PR) terkini,
  - (iii) Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (*Performance Appraisal* (PA) tahun terkini,
  - (iv) Penulisan tesis sekurang-kurangnya 3 bab bagi calon peringkat PhD. Bagi calon pengajian Sarjana secara penyelidikan dan kerja kursus adalah mana-mana 3 bab atau lebih penulisan tesis.
  - (v) Keputusan peperiksaan, jika pemohon gagal dalam peperiksaan dan memerlukan pelanjutan tempoh pengajian,
  - (vi) Bukti penerbitan tidak kurang daripada 2 buah penulisan dalam jurnal terkemuka (Q1) atau jurnal berimpak tinggi.

7. Permohonan pelanjutan cuti belajar tanpa biasiswa KPT. Jika diluluskan, implikasi-implikasi kepada pemegang biasiswa adalah seperti berikut;
- (i) Tuntutan tiket kapal terbang akan diuruskan oleh KPT dan UiTM, sekiranya pemegang biasiswa dan keluarganya balik dalam tempoh pengajian yang diluluskan berpandukan Pekeliling Akademik 6 Tahun 2014 mengenai ketetapan Tempoh Pembayaran Tuntutan Elaun Tesis dan Tiket Kapal Terbang Bagi Biasiswa Staf dan Tenaga Pengajar Muda (TPM),
  - (ii) Pemegang Biasiswa hanya dibayar Elaun Akhir Pengajian dan Elaun Penempatan dalam tempoh cuti belajar yang diluluskan oleh KPT sahaja,
  - (iii) UiTM tidak bertanggungjawab ke atas apa-apa implikasi kesihatan, keselamatan dan pembiayaan elaun pemegang biasiswa dan keluarganya dalam tempoh pelanjutan cuti belajar tanpa biasiswa yang diluluskan.

Permohonan pelanjutan tempoh cuti belajar (biasiswa staf dan TPM) yang lengkap dengan dokumen-dokumen yang diperlukan dan disahkan oleh pihak-pihak yang berkenaan, **hendaklah dikemukakan kepada Penolong Naib Cancellor Kolej/Dekan Fakulti.**

Permohonan perlu dibentangkan dan diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Sumber Manusia (PPSM) Kolej/Fakulti. Pihak Kolej/Fakulti adalah bertanggungjawab untuk mengemukakan permohonan yang diluluskan **kepada Bahagian Kemajuan Kerjaya, Jabatan Pembangunan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar, UiTM Shah Alam dalam tempoh enam (6) bulan SEBELUM tempoh tamat pengajian yang diluluskan.**

Permohonan yang tidak mematuhi proses tersebut dan dikemukakan dalam tempoh **KURANG enam (6) bulan** dari tempoh tamat pengajian yang diluluskan tidak akan diproses.

**NOTA:**

- 1. Pelanjutan tempoh pengajian adalah satu kemudahan yang tidak diberikan secara automatik kepada pemegang biasiswa tetapi tertakluk kepada bidang kuasa Jawatankuasa Induk Peningkat Kerjaya Sumber Manusia (JKI PKSM) UiTM.
- 2. Sekiranya keputusan permohonan pelanjutan tempoh pengajian masih belum diterima daripada UiTM pada tarikh akhir tamat asal pengajian atau tarikh tamat kelulusan pelanjutan 1 pengajian maka pemohon hendaklah segera melapor diri ke Bahagian Kemajuan Kerjaya, Jabatan Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar, UiTM Shah Alam. Iaitu, sehari selepas tarikh berkenaan, jika tarikh itu jatuh pada hari Cuti Umum/Kelepasan Am maka tarikh berikutnya adalah tarikh lapor diri.

Kelewatan pemohon melapor diri setelah tamat tempoh pengajian yang diluluskan adalah dikira sebagai ketidakhadiran bertugas dan akan dirujuk ke Unit Integriti UiTM.

- 3. Pemohon hendaklah menyatakan dengan jelas samada memohon pelanjutan tempoh cuti belajar secara bergaji penuh atau tanpa gaji.
- 4. Mesyuarat Jawatankuasa Biasiswa SLAB/SLAI/SKPD Bil. 10/2015 pada 27 Oktober 2015 bersetuju bahawa tiada pelanjutan penajaan akan diberikan kepada penerima baharu dan pelajar/pegawai yang sedang mengikuti pengajian.

Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab Majikan untuk memaklumkan kepada pelajar/pegawai supaya berusaha menamatkan pengajian mengikut tempoh yang telah ditetapkan.

- 5. Keputusan Mesyuarat Pelarasan Pelaksanaan Program Biasiswa Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB) dan skim Latihan Akademik IPTA (SLAI) Tahun 2016 bersama Kementerian Pendidikan Tinggi dan Universiti Awam (UA) pada 16 Disember 2015, tiada pelanjutan pengajian akan diluluskan bagi permohonan mulai 1 Januari 2016.

6. Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Latihan dan Pembangunan Staf Induk UiTM ke 282 pada 02/04/13 Mac 2015 dan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Peningkatan Kerja Sumber Manusia (JKI PKSM) Bil. 5/2016 pada 30 Jun 2016 telah menerapkan tiada lagi permohonan pelanjutan yang diluluskan selepas tamat tempoh pengajian. Permohonan pelanjutan tidak perlu dibentang ke dalam mesyuarat untuk kelulusan tetapi hanya pemakluman sahaja.
7. Bagi pemohon di luar negara yang pelanjutannya diluluskan, pemohon perlu meneruskan pengajian dan berada di universiti tempat pengajian berkenaan. Jika pemohon telah kembali ke Malaysia, beliau perlu berada di fakulti dan diberikan Amanah Tugas Akademik.
8. Pemegang Biasiswa samada mengikuti pengajian di dalam atau luar negara, hendaklah segera melapor diri ke Bahagian Kemajuan Kerjaya, Jabatan Pembangunan Sumber Manusia, UiTM Shah Alam sebaik sahaja menamatkan pengajian, iaitu; selepas tarikh tamat menjalani peperiksaan akhir ATAU tarikh selepas menyerahkan tesis untuk viva ATAU selepas tarikh tamat tempoh cuti belajar yang diluluskan, mana-mana yang lebih awal.

*Tarikh Kemaskini dokumen ini: 11/9/2022, 16/3/2022, 4/9/2018, 20/12/2016, 01/05/2023, 01/12/2023*